

Sukarelawan penting bagi keamanan

KUALA LUMPUR 21 Feb. — Segenap lapisan rakyat perlu menghayati tentang betapa pentingnya negara memerlukan angkatan tentera yang terdiri daripada anggota sukarelawan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kemerosotan sesebuah negara akan bermula apabila ia mendapati rakyatnya sendiri tidak sanggup lagi menyertai tenteranya dan terpaksa bergantung kepada askar upahan.

Tentera upahan sudah tentu akan terdiri terutamanya daripada orang asing yang tidak boleh diharap dan dipercayai, kata beliau ketika berucap selepas majlis berbuka puasa bersama anggota tentera yang telah berkhidmat dengan tentera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Masjid Kementah di sini.

Beliau berkata: "Oleh se-

bab itu memang penting sekali rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk menyertai tentera secara sukarela."

Yang turut hadir Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, Panglima Angkatan Tentera Jen Datuk Paduka Ismail Omar dan panglima ketiga-tiga cawangan angkatan tentera.

Dr. Mahathir berkata, walaupun ancaman gerila komunis yang telah menyebabkan ramai yang terbunuh dan cedera sudah berakhir negara masih memerlukan kepada tenaga tenteranya untuk menentukan keamanan yang sedia ada ini berterusan.

Beliau berkata negara tidak mempunyai askar kerahan atau paksaan untuk menentukan rakyatnya berkhidmat seperti terdapat di sesetengah negara lain tetapi

mempunyai anggota sukarela yang sanggup memsuki tentera walaupun kerjanya adalah berat dan menghadapi segala bahaya sehingga mungkin membawa maut.

"Keadaan sekarang tidaklah begitu memuaskan kerana sukar untuk mendapat anggota baru kerana tarikan pekerjaan lain yang lebih selesa tetapi sehingga hari ini kita masih lagi tidak perlu kepada paksaan," kata beliau.

Kejayaan

"Kita semua harus bersyukur kerana masih ada minat dan tanggungjawab untuk mempertahankan negara," kata beliau.

Perdana Menteri juga memuji kejayaan dan ketangkasan anggota berkhidmat dengan misi keamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di merata dunia seperti So-

malia dan Bosnia Herzegovina.

"Saya berasa sedih kerana terdapat juga beberapa anggota kita yang cedera dan ada yang telah terkorban (semasa bertugas di luar negara)," kata beliau.

Kesanggupan untuk menjalankan tugas ini adalah penting, Dr. Mahathir berkata, kerana negara tidak mungkin bebas, merdeka dan maju jika rakyatnya sudah tidak mempunyai minat lagi untuk menjalankan tugas-tugas berat yang terdapat dalam tentera.

Beliau berkata rakyat juga harus insaf tentang penderitaan di negara lain

terutama rakyat Islam di Bosnia dan Somalia dan di lain-lain tempat.

"Oleh kerana kita mempunyai perasaan persaudaraan dan juga keinsafan tentang nasib buruk mereka, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menolong mereka walaupun ini mendedahkan pasukan kita kepada bahaya peperangan," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, "sehingga ini tidaklah kita terpaksa berperang secara besar-besaran dengan musuh tetapi kemungkinan ini memang ada kerana kerja ini bahaya dan saya yakin pasukan kita tabah hati dan sang-

gup menghadapi segala cabaran demi mempertahankan maruah bangsa dan negara."

Di bawah naungan PBB, kata beliau, pasukan negara di sana memberi pertolongan kepada rakan dengan cara yang ikhlas sama ada mereka beragama Islam atau yang lain.

"Ini kerana satu hari nanti mungkin juga kita akan perlu pertolongan daripada orang dan sedikit sebanyak mereka akan ingat tentang khidmat yang telah kita sumbangkan," tambah beliau. — Bernama.